

For immediate release

MEDIA STATEMENT

CBI-IDEAS report looks at true cost of corruption in supply chains for Malaysian consumers

Kuala Lumpur, 22 June 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has published Policy Ideas No. 72, entitled "*Corruption in the Supply Chain: forms and impacts on consumers*". The paper was co-authored with the Coalition for Business Integrity (CBI). The paper looks into how corruption impacts the cost of living for the average Malaysian consumer, through the creation of upward pressure on the prices of consumer goods and services.

This collaborative research aims to generate public awareness about how systemic corruption, rather than being something which only affects the highest levels of society, actually has a negative impact on the everyday life of the *rakyat* through the artificial inflation of costs of living.

With a focus on the construction, education, and healthcare sectors, research by IDEAS and CBI found that while bribery is obviously the most common form of corruption in the private and public sectors, there are other forms of corruption including extortion, embezzlement, fraud, abuse of discretion, and favouritism.

Research also identified three major causes of corruption in Malaysia. As observed by IDEAS CEO, Tricia Yeoh, "This includes the abuse of so-called 'information asymmetry' for personal gains. To put it simply, this involves public officials abusing their positions and discretion over the public due to the lack of knowledge and information over said official's roles and responsibilities. As well, corruption often emerges as a response to excessive and poorly managed bureaucracy. The 'grease the wheel' hypothesis views corruption as the 'grease' which can 'lubricate and smoothen' over various bureaucratic processes."

"Finally, there are cultural reasons why corruption can flourish, especially when individuals view acts of corruption as the 'standard operating procedure' in doing business in Malaysia."

IDEAS also found that the presence of corruption within Malaysia's supply chains can have a significant economic impact on the average Malaysian consumers. Research has found that when suppliers of goods and services are required to engage in corrupt practices, this increases the costs of doing business, which is then passed on to the end-consumers.

CBI's CEO Mark Chay commented that the multiple problems that are confronting Malaysia is attributed to the rampant lack of integrity in managing our resources by some of those in positions of power and business operators and the *rakyat* have to bear the brunt of it.

Corruption has also been found to distort competition, to curtail private sector development, to raise entry barriers, to undermine the delivery of public services, and to produce inefficient government spending. Finally, acts of corruption can contribute to higher levels of price inflation as well as suppress incomes, thereby encouraging more corruption and leading to a vicious cycle.

The report concluded that addressing corruption in Malaysia on a systemic scale will require sustainable policy efforts across all segments of society. Among the policy recommendations which the report provided included:

- maintaining the momentum for the implementation of the National Anti-Corruption Plan (NACP);
- prioritising public procurement reform, including developing the Government Procurement Act (GPA) with transparency standards and review mechanisms;
- promoting broader reforms to increase transparency, including the enactment of freedom of information legislation;
- strengthening the powers and independence of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC);
- empowering the private sector in the fight against corruption by encouraging the development of industry-specific guidelines, building on examples in some sectors, and protecting whistleblowers with amendments to the Malaysian Whistle Blowers Protection Act;
- simplifying the regulatory environment to reduce the incentives for corruption, including empowering the Malaysia Productivity Corporation to undertake a more aggressive review of unnecessary regulation;
- and promoting more competitive and innovative markets as a long-term solution, to help to reduce the incentives for corruption and make corrupt acts more difficult.

--- END ---

Download Policy Ideas No. 72, "*Corruption in the Supply Chain: forms and impacts on consumers*" [here](#).

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director, IDEAS

zokhri@ideas.org.my

About CBI:

Established in 2014, CBI (Coalition for Business Integrity Bhd) is a nonprofit apolitical membership based organisation championing business integrity in the marketplace and promoting honesty and integrity in institutions of learning for a better Malaysia. We provide HRDF claimable corporate training and consultancy for companies in particular on corporate liability, adequate procedures and ISO37001:2016 Anti-Bribery Management System.

For enquiries, please contact:

Mark Chay

CEO

+603 6200 0770

markchay@cbi.org.my

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

Laporan CBI-IDEAS meneliti kos rasuah dalam rantai bekalan terhadap pengguna Malaysia

Kuala Lumpur, 22 Jun 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) telah melancarkan *Policy Ideas No. 72* bertajuk "*Corruption in the Supply Chain: forms and impacts on consumers*", dengan kerjasama *Coalition for Business Integrity (CBI)*. Kertas dasar ini meneliti kesan rasuah terhadap kos sara hidup kebanyakan pengguna di Malaysia melalui kewujudan tekanan ke atas peningkatan harga makanan dan perkhidmatan.

Kajian kedua belah pihak ini bertujuan untuk menjana kesedaran awam bahawa rasuah sistemik bukan sahaja berlaku di peringkat tertinggi sesebuah masyarakat. Ia turut memberi kesan negatif terhadap kehidupan seharian rakyat melalui inflasi kos sara hidup.

Kajian oleh IDEAS dan CBI memberi tumpuan kepada sektor pembinaan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan. Kajian mendapati walaupun pemberian sogokan merupakan bentuk rasuah yang paling meluas dalam sektor swasta dan awam, terdapat pelbagai lagi bentuk rasuah termasuklah pemerasan, penggelapan wang, penipuan, salah guna budi bicara, dan pilih kasih.

Kajian ini telah mengenal pasti tiga sebab utama rasuah di Malaysia. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, "Hal ini termasuk penyalahgunaan 'asimetri maklumat' untuk keuntungan peribadi. Mudah-mudahan, hal ini melibatkan penjawat awam yang menyalahgunakan kedudukan dan budi bicara mereka ke atas orang awam disebabkan kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang peranan dan tanggungjawab penjawat awam tersebut. Rasuah juga sering berlaku sebagai tindak balas kepada birokrasi yang keterlaluan serta tidak diurus dengan baik. "Memudahkan urusan" ditafsirkan sebagai "minyak untuk melicinkan dan melancarkan urusan" pada setiap peringkat birokrasi yang ketat.

"Akhir sekali, rasuah juga berkembang kerana budaya, terutamanya apabila individu melihat perlakuan rasuah sebagai 'tatacara operasi piawai (SOP)' dalam menjalankan perniagaan di Malaysia."

IDEAS juga mendapati bahawa kewujudan rasuah dalam rantai bekalan Malaysia mempunyai kesan ekonomi yang ketara terhadap kebanyakan pengguna Malaysia. Kajian mendapati apabila pembekal barangan dan perkhidmatan terlibat dalam amalan rasuah, kos menjalankan perniagaan akan meningkat lalu kos tersebut akan ditanggung oleh pengguna akhir.

Ketua Pegawai Eksekutif CBI, Mark Chay mengulas bahawa pelbagai masalah yang dihadapi Malaysia adalah kerana kekurangan integriti dalam mengurus sumber oleh beberapa pihak yang memegang kuasa serta pengendali perniagaan. Manakala rakyat pula terpaksa menanggung bebannya.

Rasuah juga didapati telah mengganggu persaingan, menghalang pembangunan sektor swasta, meningkatkan halangan kemasukan, menjejaskan pelaksanaan perkhidmatan awam serta mengakibatkan perbelanjaan kerajaan yang tidak cekap. Akhir sekali, perlakuan rasuah boleh menyumbang kepada inflasi harga barang yang lebih tinggi dan menyekat pendapatan, lalu menggalakkan lebih banyak rasuah dan membawa kepada satu kitaran yang tidak sihat.

Laporan ini menyimpulkan, dalam menangani rasuah di Malaysia pada skala sistemik, ia memerlukan dasar yang mampan dan merentasi semua segmen masyarakat. Antara saranan dasar yang dikemukakan oleh laporan ini termasuk:

- Mengekalkan momentum pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional;
- Mengutamakan pembaharuan perolehan awam, termasuk membangunkan Akta Perolehan Kerajaan berserta piawaian ketelusan dan mekanisme penilaian;
- Mempromosi pembaharuan yang lebih meluas untuk meningkatkan ketelusan, termasuk penggubalan rang undang-undang kebebasan maklumat;
- Mengukuhkan kuasa dan kebebasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- Memperkasakan sektor swasta dalam pencegahan rasuah dengan cara menggalakkan pembangunan garis panduan yang khusus kepada industri, memberi contoh dalam beberapa sektor, dan melindungi pemberi maklumat dengan cara meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat;
- Memudahkan persekitaran pengawalseliaan agar dapat mengurangkan insentif terhadap rasuah, termasuk memperkasakan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menjalankan penilaian yang lebih agresif terhadap peraturan yang tidak perlu;
- Mempromosi pasaran yang lebih berdaya saing dan inovatif sebagai satu penyelesaian jangka panjang, untuk membantu mengurangkan insentif kepada rasuah dan menjadikan perlakuan rasuah lebih sukar dilakukan.

--- TAMAT ---

Muat turun *Policy Ideas No. 72, "Corruption in the Supply Chain: forms and impacts on consumers"* di [sini](#).

Mengenai IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Hubungan Luar, IDEAS

zokhri@ideas.org.my

Mengenai CBI:

Ditubuhkan pada 2014, CBI (Coalition for Business Integrity Bhd) merupakan sebuah organisasi bukan politik berasaskan keahlian bukan berasaskan keuntungan yang memperjuangkan integriti perniagaan dalam pasaran dan mempromosi kejujuran dan integriti dalam institusi pembelajaran di Malaysia. Kami memberikan latihan dan perundingan korporat Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) boleh dituntut kepada pelbagai syarikat terutamanya tentang liabiliti korporat, prosedur yang mencukupi dan Sistem Pengurusan Antirasuah ISO37001:2016.

Untuk pertanyaan, hubungi:

Mark Chay

Ketua Pegawai Eksekutif

+603 6200 0770

markchay@cbi.org.my